



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KENYATAAN MEDIA

SIMPOSIUM PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2021-2025

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada hari ini telah menganjurkan **Simposium Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025**. Majlis perasmian simposium yang diadakan di Wyndham Acmar Klang ini telah disempurnakan oleh **Yang Berusaha Tuan Sutekno bin Ahmad Belon, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA**.

Simposium ini diadakan bertujuan untuk **mempamerkan pencapaian hasil pelaksanaan** tujuh (7) Teras Strategik di bawah pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25).

Dengan tema yang diketengahkan iaitu: **"Menyatu Strategi, Menjana Impak"**, OSHMP25 telah berjaya menyumbang kepada ekosistem yang lebih inklusif melalui program-program dan aktiviti-aktiviti berimpak tinggi yang telah dijalankan bersama rakan strategik, sebagaimana yang ingin diketengahkan dalam penerapan nilai-nilai **"KKP Inklusif-Kebersamaan dan Komitmen"**.

Dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya (2021-2025), sehingga kini, OSHMP25 telah mencatat pelbagai kejayaan yang membanggakan, termasuklah **peningkatan tahap kesedaran dan budaya KKP di tempat kerja**.

Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai program berterusan seperti penambahbaikan perundangan, penaksiran risiko sendiri, *OSH Leadership for Top Management*, *GLC OSH Summit*, *Centre of OSH Excellence (COE)*, Kelab KKP di sekolah (*OSH Club*), saringan penyakit kepada 100,000 pekerja, pelaksanaan *Systematic Occupational*

Health Enhancement Lenel Program (SOHELP), program bimbingan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana, penghasilan video dan podcast KKP, serta advokasi melibatkan *Work-Related Road Safety (WRRS)* dan pekerja rentan di sektor informal.

Kejayaan pelaksanaan OSHMP25 turut merangkumi penglibatan aktif Malaysia di peringkat antarabangsa, sekali gus memperkukuh reputasi negara dalam aspek KKP di mata dunia. **Ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) C.155** pada 11 Jun 2024 menandakan komitmen berterusan Malaysia terhadap piawaian global dalam mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat.

Dalam menghadapi landskap pekerjaan yang semakin kompleks dan dinamik, pihak JKKP terus komited untuk **memperkukuh budaya kerja selamat dan sihat melalui pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026-2030 (OSHMP30)**, yang merupakan kesinambungan daripada OSHMP25.

Melalui tema “**Membina Persekitaran KKP yang Berdaya Tahan dan Inklusif untuk Tenaga Kerja Masa Hadapan**”, OSHMP30 dirangka berteraskan enam (6) Teras Strategik utama, memberi penekanan kepada aspek **pendigitalan, daya tahan dan kelestarian dalam sistem KKP negara**.

###

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
6 November 2025